

**SIJIL TAKAFUL NUR SAVINGS**

<b>Kandungan</b>		<b>Muka Surat</b>
Bahagian 1	Takrif-Takrif dan Tafsiran-Tafsiran	2
Bahagian 2	Terma-Terma dan Syarat-Syarat	7
Bahagian 3	Kelayakan	13
Bahagian 4	Perlindungan	14
Bahagian 5	Pengecualian-Pengecualian	25
Bahagian 6	Tuntutan-Tuntutan	28

## SIJIL TAKAFUL NUR SAVINGS

BAHAWASANYA pemegang sijil (selepas ini disebut sebagai **Peserta**) sebagaimana dinamakan di dalam Jadual yang dilampirkan (selepas ini disebut sebagai **Jadual**) oleh Isytiharan Cadangan bertulis yang akan menjadi asas kepada perjanjian dan disifatkan sebagai diperbadankan dalam Sijil ini telah memohon kepada Takaful Brunei Keluarga Sdn Bhd (selepas ini disebut sebagai **Syarikat**) untuk menyertai dalam takaful ini dan mengambil pertimbangan daripadanya, telah membayar sumbangan takaful kepada Syarikat sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual, selaras dengan Undang-Undang Brunei Darussalam.

**SIJIL INI SEKARANG MENYAKSIKAN** bahawa jika ansuran caruman takaful yang dinyatakan di dalam Jadual telah dibayar kepada Syarikat, Syarikat adalah dengan bukti yang memuaskan bagi Syarikat di atas:

- i. berlakunya kejadian di mana manfaat takaful akan kena dibayar;
- ii. hak seseorang atau orang yang menuntut pembayaran; dan
- iii. tarikh lahir Peserta (sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual) jika tarikh lahir itu belum disahkan sebelum ini.

Membayar suatu jumlah manfaat takaful (berserta apa-apa keuntungan yang harus dibayar). Dengan ini adalah diperakukan Jadual dan tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian, peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat yang termaktub dalam Sijil atau diendoskan ke atasnya (selepas ini secara rangkuman disebut sebagai Terma-Terma Sijil ini) harus dianggap sebahagian daripada Sijil.

### BAHAGIAN 1: TAKRIF-TAKRIF DAN TAFSIRAN-TAFSIRAN

#### TAKRIF-TAKRIF:

Melainkan sebaliknya dikehendaki oleh konteks, takrifan berikut hendaklah digunakan: -

#### **Kemalangan**

Bermakna kecederaan tubuh badan yang hanya disebabkan oleh kekerasan, kemalangan, faktor luaran dan nampak kelihatan dan bukan disebabkan oleh satu-satu sakit, penyakit atau keadaan fizikal dan mental yang merosot.

#### **Sijil**

Bermakna keseluruhan Sijil yang merangkumi perjanjian asas, cadangan, kenyataan peribadi dan setiap kenyataan yang dibuat oleh Peserta dan semua Perjanjian-Perjanjian Tambahan dan endosmen-endosmen yang tergabung di dalam Jadual atau diendoskan kemudiannya dan semua pindaan-pindaan bertulis yang dibuat oleh Syarikat.

#### **Kanser**

Bermakna mana-mana ketumbuhan yang dikenalpasti positif dengan pengesahan ahli histologi dan dicirikan oleh pertumbuhan yang tidak terkawal daripada sel-sel merbahaya dan pencerobohan ke atas tisu. Istilah ketumbuhan merbahaya merangkumi leukemia, limfoma, dan sarkoma.

**Tarikh Kuatkuasa**

Bermakna tarikh mula penyertaan atau pembaharuan perlindungan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual atau Endosmen.

**Sumbangan**

Bermakna jumlah wang ansuran takaful yang telah diluluskan oleh Syarikat untuk caruman sumbangan Peserta di dalam Pelan Takaful.

**COVID-19**

Merujuk kepada Coronavirus atau SARS-CoV-2 seperti yang ditakrifkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

**Tarikh Matang**

Bermakna tarikh ketika Sijil tamat.

**Diagnosis**

Merujuk kepada diagnosis muktamad yang dibuat oleh Pakar Perubatan / Pengamal Perubatan atau Pakar Berdaftar (mengikut mana-mana yang berkenaan) berdasarkan bukti khusus tersebut dan diperakui dalam laporan perubatan yang dikeluarkan oleh Pengamal Perubatan atau Pakar Berdaftar.

**Hospital**

Bermakna mana-mana institusi yang beroperasi secara sah di sisi undang-undang, menyediakan khidmat kejururawatan oleh jururawat yang berdaftar dua puluh empat (24) jam sehari, mempunyai seorang atau lebih doktor perubatan sepanjang masa dan menyediakan kemudahan untuk diagnosa dan pembedahan besar, dan bukan semata-mata merupakan sebuah klinik, pusat penempatan penagih arak atau dadah, rumah penjagaan kejururawatan bagi pemulihan atau rumah orang-orang tua atau yang seumpamanya

**Penyakit**

Bermakna penyakit yang dihidapi dan / atau bermula selepas tiga puluh (30) hari daripada tarikh berkuatkuasa atau tarikh endosmen, mana-mana yang terkemudian.

**Kecederaan**

Bermakna kecederaan tubuh badan yang disebabkan secara langsung oleh kemalangan yang tidak disengajakan dan bebas daripada sebab-sebab lain, yang mana, kecuali bagi kejadian lemas atau kecederaan dalam yang dimaklumkan oleh bedah siasat, terdapat bukti yang dapat dilihat sama ada lebam atau luka pada anggota luar.

**Mudharabah**

Bermakna perjanjian di mana Peserta melantik Syarikat sebagai Mudharib (Pengurus) untuk mengurus dan membuat pelaburan bagi Akaun Peserta/Dana Pelaburan Peserta dan Akaun Khas Peserta/Dana Risiko Peserta serta bersetuju untuk berkongsi keuntungan dari pelaburan di antara pihak Syarikat dan Peserta dengan kadar peratus yang telah dipersetujui sebelumnya.

**Pusat Pengasingan Kebangsaan (NIC)**

Bermaksud kemudahan pengasingan yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam untuk kes positif COVID-19 untuk pemantauan perubatan berterusan.

**Peserta**

Bermakna Pemilik dan Pembayar yang menyertai pelan takaful ini.

**Akaun Peserta (AP) atau Dana Pelaburan Peserta**

Bermakna akaun atau dana yang mana sebahagian daripada Sumbangan Peserta itu akan dikreditkan untuk simpanan dan pelaburan.

**Akaun Khas Peserta (AKP) atau Dana Risiko Peserta**

Bermakna akaun atau dana yang mana Sumbangan Peserta itu akan dikreditkan untuk risiko sahaja.

**Tempoh Takaful**

Bermakna tempoh takaful sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual, termasuk juga apa-apa pelanjutan jangka waktu perlindungan yang mungkin diberikan di atas budi bicara pihak Syarikat.

**Orang Yang Dilindungi**

Bermakna seperti yang ditakrifkan di bawah Bahagian 3: Kelayakan.

**Doktor**

Bermakna seorang yang mempunyai kelayakan dan berdaftar sebagai pengamal perubatan yang berlesen di bawah mana-mana undang-undang yang berkaitan dan bekerja di dalam ruang lingkup lesen dan latihannya sahaja. Doktor yang merawat hendaklah bukan majikan, pekerja, ejen Peserta atau rakan perniagaan Peserta, atau orang yang mempunyai pertalian persaudaraan dengan Peserta dari segenap segi.

**Keadaan-Keadaan Sedia Ada**

Bermakna kecederaan, penyakit, keadaan atau gejala:

- a) yang mana rawatan atau perubatan atau nasihat atau diagnosa penyakit telah dilakukan atau diterima atau dijangka sebelum Sijil berkuatkuasa bagi Peserta dan/atau Orang Yang Dilindungi, atau
- b) yang mana berasal dari atau Orang Yang Dilindungi itu tahu akan kewujudannya (atau sesiapa sahaja yang dilindungi di bawah Sijil) sebelum daripada Sijil berkuatkuasa sama ada atau tidak rawatan atau perubatan atau nasihat atau diagnosa penyakit telah dilakukan atau diterima.

**Jadual**

Bermakna Jadual Sijil ini dan maklumat yang mengandungi butiran Peserta, Manfaat Asas dan Tambahan jika ada, Sumbangan, dan Tempoh Takaful.

**Jumlah Perlindungan**

Bermakna jumlah maksima manfaat yang dibayar oleh Syarikat.

**Perjanjian-Perjanjian Tambahan**

Bermakna manfaat tambahan atau perlindungan kepada Sijil Asas untuk Sumbangan tambahan yang diluluskan oleh Syarikat dan hanya berkuatkuasa apabila digabungkan bersama Jadual atau diendoskan kemudiannya dan apabila ianya bergabung atau diendoskan ia menjadi sebahagian daripada Sijil.

**Tabarru'**

Bermakna satu komitmen oleh semua Peserta takaful untuk menderma di dalam satu dana atau satu Kumpulanwang bagi tujuan sama-sama menanggung risiko kerugian.

**Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan**

Bermakna keilatan, sama ada disebabkan oleh kecederaan tubuh badan atau penyakit, yang menghalang sama sekali Peserta daripada melibatkan diri dalam apa-apa jenis perniagaan atau pekerjaan atau menjalankan apa-apa tugas bagi memperolehi upah atau keuntungan dengan syarat bahawa untuk menentukan sama ada Keilatan Seluruh Tubuh Badan itu menjadi kekal, keilatan tersebut mestilah berterusan tanpa gangguan bagi selama tempoh tidak kurang enam (6) bulan.

Kehilangan kedua tangan, atau kedua kaki, atau satu tangan dan satu kaki, atau kedua belah mata adalah disifatkan sebagai keilatan menyeluruh dan kekal, tanpa menimbulkan prasangka kepada sebab-sebab lain mengenai Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan. Kehilangan bagi tangan dan kaki bererti putus pada atau di pergelangan tangan dan buku lali kaki; bagi mata, hilang daya penglihatan sepenuhnya dan tidak dapat dipulihkan semula.

**Tempoh Menunggu**

Yang hanya berkenaan untuk manfaat Kematian dan Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan akibat penyakit di mana ia bermakna empat belas (14) hari pertama daripada tarikh berkuatkuasa / endosmen. Tiada manfaat akan dibayar disebabkan oleh penyakit yang berlaku semasa tempoh tersebut. Selebih Perjanjian-Perjanjian Tambahanakan berdasarkan tempoh menunggu masing-masing.

**Wakalah**

Bermakna perjanjian di mana Peserta melantik Syarikat sebagai Wakil untuk mentadbir, mengurus, membuat pelaburan dan mengagihkan Kumpulanwang tersebut kepada peserta-peserta yang ditimpa musibah dan Peserta bersetuju untuk memberikan Upah Wakalah bagi perkhidmatan-perkhidmatan tersebut.

**Wasi atau Penerima Hibah**

Bermakna orang atau orang-orang yang dinamakan oleh Peserta pada borang Wasi atau Hibah kecuali diubah kemudiannya sebagaimana ditetapkan dalam Fasal Penukaran Wasi atau Hibah untuk bertindak sebagai pemegang amanah (wasi) atau Penerima Hibah untuk menerima manfaat jika Peserta meninggal dunia.

**Penerima Manfaat (Penama)**

Penerima Manfaat adalah orang yang dinamakan oleh peserta sebagai Penerima Manfaat Takaful setelah kematiannya sebelum tarikh mansuh/matang Sijil ini.

**TAFSIRAN-TAFSIRAN**

1. Kecuali apabila konteksnya memberi erti berbeza, setiap rujukan Sijil ini untuk jantina lelaki juga memberi erti untuk jantina perempuan, jantina berkecuali dan sebaliknya.
2. Tajuk-tajuk adalah untuk memudahkan rujukan sahaja dan ia tidak menjejaskan pembinaan dan tafsiran Sijil ini.
3. Perkataan-perkataan yang menunjukkan kepada bentuk satu adalah merangkumi juga bentuk jamak dan sebaliknya.
4. Rujukan kepada individu merangkumi juga koperasi-koperasi, syarikat-syarikat, firma-firma, perkongsian, badan-badan korporat, badan-badan bukan korporat atau mana-mana agensi atau badan negara atau kerajaan.
5. Di mana ada dua (2) orang atau lebih terangkum di dalam apa-apa istilah yang digunakan di sini, semua persetujuan-persetujuan, terma-terma, ketetapan-ketetapan, peraturan-peraturan, ketentuan-ketentuan dan jaminan-jaminan yang terkandung di sini dianggap dibuat oleh dan mengikat orang-orang tersebut secara bersama.
6. Rujukan-rujukan kepada Fasal-Fasal dan Jadual-Jadual kecuali dinyatakan sebaliknya harus ditafsirkan sebagai rujukan kepada Fasal-Fasal dan Jadual-Jadual Sijil ini.
7. Kecuali apabila konteksnya menghendaki sebaliknya, atau dinyatakan secara nyata, setiap rujukan kepada mana-mana “undang-undang, penggubalan (undang-undang), statut atau peraturan-peraturan”, ianya bererti , “undang-undang, penggubalan, statut atau peraturan-peraturan” Brunei Darussalam yang berkuatkuasa kini dan termasuk juga undang-undang awam (common law) atau adat, mana-mana undang-undang perlembagaan, perintah, penghakiman, penggubalan, perintah, ordinar, peraturan, statut, perjanjian atau ukuran perundangan yang lain, atau perintah masa kini atau masa hadapan, keperluan kepada peraturan-peraturan, keperluan (dalam setiap kes, sama ada wujud penguatkuasaan undang-undang atau tidak tetapi jika tiada penguatkuasaan undang-undang, kesesuaian dengan amalan perseorangan kepada orang yang ditunjukkan perintah-perintah, peraturan-peraturan, permintaan arahan, atau syarat-syarat tersebut).
8. Kecuali jika dinyatakan sebaliknya, semua rujukan kepada sebuah waktu dalam hari adalah dirujuk kepada waktu Brunei.
9. Semua rujukan kepada penggubalan (undang-undang), statut-statut dan peraturan-peraturan merangkumi juga semua pindaan-pindaan dan penggantian-penggantian yang mungkin dikuatkuasakan dari masa ke semasa.
10. Jadual ini merupakan bahagian yang tidak terpisah daripada Sijil ini dan harus diambil, dibaca dan ditafsirkan sebagai bahagian yang perlu dalam Sijil ini.
11. Setiap kebebasan, kuasa, hak, pilihan atau budi bicara yang boleh dilaksanakan atau penentuan yang mungkin dibuat oleh Syarikat dapat dilaksanakan, atau dibuat dengan budi bicara Syarikat secara mutlak dan Syarikat tidak mempunyai tanggungjawab untuk memberi apa-apa alasan sekalipun.

## **BAHAGIAN 2: TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

### **1. TEMPOH BERTENANG**

Jika Peserta mendapati bahawa Sijil tidak memenuhi kehendaknya, Peserta bolehlah mengembalikkan Sijil dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh bermulanya Sijil. Dalam keadaan sedemikian, dengan syarat tiada tuntutan dibuat sepanjang tempoh Sijil berjalan, Peserta berhak bagi pengembalian penuh sumbangan yang telah dibayar tanpa keuntungan ditolak perbelanjaan perubatan yang ditanggung oleh syarikat bagi mempertimbangkan permohonannya.

### **2. PERJANJIAN**

Sijil ini, Jadual dan mana-mana endosmen kepada Sijil atau Jadual hendaklah dibaca bersama, dan mana-mana perkataan atau ungkapan di mana makna yang khas telah diberikan di mana-mana bahagian Sijil ini atau Jadual adalah mempunyai makna yang sama di mana-mana ianya terdapat.

### **3. PRASYARAT KEPADA TANGGUNGAN**

Pematuhan dan pelaksanaan kepada terma-terma, peraturan-peraturan dan endosmen-endosmen Sijil ini setakat mana yang berkaitan dengan apa-apa yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Peserta dan kebenaran pernyataan-pernyataan dan jawapan-jawapan di dalam Borang Cadangan dan Akuan hendaklah merupakan prasyarat kepada apa-apa tanggungan Syarikat bagi membuat apa-apa bayaran di bawah Sijil ini.

Sebagai tambahan, Orang Yang Dilindungi mestilah memberi kerjasama sepenuhnya kepada Syarikat dan juga penasihat-penasihat perubatan Syarikat dan akan memberikan semua butiran dan hal-hal yang diketahui atau patut diketahui oleh Orang Yang Dilindungi dengan sepenuhnya dan sejujurnya, dan akan jika dipinta melaksanakan mana-mana dokumen untuk memberi kuasa kepada Syarikat untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan, atas perbelanjaan Orang Yang Dilindungi, dari mana-mana Doktor atau Hospital atau dari sumber yang lain.

### **4. FAKTA TIDAK DIDEBAHKAN**

Jika terbukti adanya salah penakrifan atau fakta yang tidak didedahkan, Sijil ini akan hilang sahlaku dan Syarikat tidak akan bertanggung jawab untuk membayar manfaat takaful.

### **5. BUKTI UMUR**

Syarikat berhak pada bila-bila masa untuk meminta umur mana-mana Orang Yang Dilindungi di bawah Sijil ini yang mana ianya hendaklah dibuktikan memuaskan.

Bukti umur Orang Yang Dilindungi yang memuaskan Syarikat adalah dikehendaki sebelum apa-apa manfaat baginya dibayar di bawah Sijil ini.

### **6. PERUBAHAN PADA SIJIL**

Sijil ini, boleh pada bila-bila masa, dipinda dan diubah, melalui permintaan secara bertulis oleh Peserta dan dipersetujui oleh Syarikat, tetapi apa-apa pindaan adalah tanpa prasangka kepada mana-mana

tuntutan yang timbul sebelum tarikh perubahan tersebut dan tertakluk kepada syarat-syarat dan peruntukan-peruntukan yang akan ditetapkan oleh Syarikat.

Tiada pindaan Sijil ini akan dikira sah kecuali dibuktikan melalui endosmen yang ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa dari Syarikat.

#### **7. TIADA PENYERAHAN HAK**

Manfaat di bawah Sijil ini tidak boleh diserahkan hak.

#### **8. KEADAAN-KEADAAN KESIHATAN YANG SEDIA ADA**

Tiada Manfaat yang kena dibayar di bawah Sijil ini bagi perlindungan Peserta atau mana-mana Orang Yang Dilindungi akibat daripada penyakit atau kecederaan yang berlaku sebelum berkuatkuasa Sijil ini kecuali keadaan tersebut telah pun diisytiharkan semasa cadangan dan tidak dikecualikan di dalam Sijil ini.

#### **9. SALAH MELAPORKAN UMUR**

Sekiranya, pada umur betul, Peserta adalah sepatutnya tidak layak bagi perlindungan di bawah Sijil ini, tiada manfaat yang kena dibayar.

#### **10. HIBAH**

Pelan ini mengamalkan konsep yang dikenali sebagai konsep hibah, yang merupakan pemberian Sijil daripada Peserta kepada Penerima Hibah. Hanya Peserta berhak untuk membatalkan atau menyerahkan Sijil ini pada bila-bila masa.

#### **11. PERTUKARAN WASI**

Peserta boleh, dengan notis bertulis kepada Syarikat, membatalkan pelantikan Wasi yang telah dinamakan, dan melantik Wasi atau Wasi-Wasi lain dengan atau tanpa hak menolak atau pelantikan baru, dan dalam hal demikian perubahan akan dianggap berkuatkuasa daripada tarikh notis diterima oleh Syarikat.

#### **12. PEMBAYARAN ANSURAN TAKAFUL**

Ansuran caruman takaful seperti yang dinyatakan dalam Jadual, yang kena dibayar oleh peserta akan dibahagi dan dikreditkan ke dalam Akaun-Akaun berikut:

- (i) Unsur simpanan dan pelaburan daripada caruman takaful akan dikreditkan ke dalam Akaun Peserta/Dana Pelaburan Peserta di dalam Kumpulanwang Takaful Keluarga. Tiada manfaat takaful akan dibayar daripada Akaun ini;
- (ii) Unsur risiko daripada caruman takaful akan dikreditkan ke dalam Akaun Khas Peserta/Dana Risiko Peserta di dalam Kumpulanwang Takaful Keluarga untuk risiko sahaja. Peserta adalah bersetuju menyumbangkan bahagian caruman takaful ini dan keuntungannya untuk dikreditkan ke dalam Akaun Khas Peserta/Dana Risiko Peserta sebagai tabarru' bagi tujuan perpaduan dan



persaudaraan di antara Peserta-Peserta tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat yang dinyatakan dalam Sijil. Manfaat Takaful akan dibayar daripada Akaun ini.

- (iii) Sumbangan tambahan untuk Perjanjian-Perjanjian Tambahan akan dikreditkan ke dalam Kumpulanwang Takaful Keluarga Berkelompok/Dana Risiko Peserta Takaful Keluarga Berkelompok sebagai tabarru' untuk tujuan perpaduan dan persaudaraan di antara peserta tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di sini. Manfaat takaful akan dibayar daripada Akaun ini.

### **13. PELABURAN CARUMAN TAKAFUL AKAUN PESERTA**

Syarikat akan melaburkan caruman takaful yang dibayar oleh Peserta ke dalam Kumpulanwang Takaful Keluarga mengikut hukum-hukum Syariah. Mana-mana keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan bagi setiap bulan akan dibahagikan mengikut prinsip Mudharabah berdasarkan nisbah berikut:-

- (a) 70% akan dikreditkan ke dalam Akaun Peserta/Dana Pelaburan Peserta; dan  
(b) 30% akan dibayar kepada Syarikat.

### **14. PRINSIP TABARRU', MUDAHARABAH, WAKALAH DAN PENGAGIHAN LEBIHAN BERSIH KEUNTUNGAN**

#### **i. Akaun Peserta/Dana Pelaburan Peserta**

##### **Mudharabah**

Peserta dengan ini bersetuju bahawasanya unsur simpanan dan pelaburan daripada caruman Takaful dikreditkan ke Akaun Peserta/Dana Pelaburan Peserta, bagi tujuan Syarikat mentadbir, menguruskan dan melaburkannya mengikut cara-cara yang difikirkan sesuai oleh Syarikat serta menepati prinsip Syariah. Di atas pertimbangan ini, Peserta berhak menerima keuntungan daripada pelaburan ansuran caruman, jika ada, dengan nisbah 70% kepada Peserta dan 30% kepada Syarikat.

#### **ii. Akaun Khas Peserta/Dana Risiko Peserta**

##### **Tabarru'**

Peserta dengan ini mengamanahkan kepada Syarikat bahawasanya BND5.00 daripada sumbangan Takaful akan didermakan ke dalam Akaun Khas Peserta/Dana Risiko Peserta di dalam Kumpulanwang Takaful Keluarga secara Tabarru' bagi tujuan membantu peserta-peserta yang layak di dalam Sijil Takaful. Mana-mana keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan Tabarru' di dalam satu-satu bulan akan dikreditkan semula ke dalam Kumpulanwang tersebut.

##### **Wakalah**

Peserta dengan ini melantik Syarikat sebagai Wakil untuk mentadbir, mengurus, membuat pelaburan yang menepati prinsip Syariah dan mengagihkan Kumpulanwang Takaful/Dana Risiko Peserta tersebut kepada peserta-peserta yang ditimpa musibah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang tertera di dalam Sijil Takaful dan Jadual. Maka adalah dengan ini, Peserta bersetuju untuk memberikan

35% daripada sumbangan tabarru` kepada Syarikat sebagai Upah Wakalah bagi perkhidmatan-perkhidmatan tersebut.

### **Pengagihan Lebihan Bersih Keuntungan**

Peserta juga memahami bahawa jumlah lebihan bersih keuntungan yang terhasil daripada kumpulanwang tersebut, jika ada, akan dikekalkan di dalam Akaun Khas Peserta/Dana Risiko Peserta untuk menampung apa-apa tanggungan yang mungkin timbul daripada Sijil.

### **iii. Kumpulanwang Takaful Keluarga Berkelompok/Dana Risiko Peserta Keluarga Berkelompok**

#### **Tabarru`**

Peserta dengan ini mengamanahkan kepada Syarikat bahawasanya 65% daripada sumbangan Takaful Peserta akan didermakan ke dalam Kumpulanwang Takaful Keluarga Berkelompok/ Dana Risiko Peserta Keluarga Berkelompok secara Tabarru` bagi tujuan membantu peserta-peserta yang layak di bawah Perjanjian Tambahan takaful ini. Mana-mana keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan Tabarru` di dalam satu-satu bulan akan dikreditkan semula ke dalam Kumpulanwang tersebut.

#### **Wakalah**

Peserta dengan ini melantik Syarikat sebagai Wakil untuk mentadbir, mengurus, membuat pelaburan yang menepati prinsip Syariah dan mengagihkan Kumpulanwang Takaful Keluarga Berkelompok /Dana Risiko Peserta Keluarga Berkelompok tersebut kepada peserta-peserta yang ditimpa musibah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang tertera di dalam Sijil Takaful dan Jadual. Maka adalah dengan ini, Peserta bersetuju untuk memberikan 35% daripada sumbangan takaful kepada Syarikat sebagai Upah Wakalah bagi perkhidmatan-perkhidmatan tersebut.

### **Pengagihan Lebihan Bersih Keuntungan**

Peserta juga memahami bahawa lebihan bersih keuntungan yang terhasil dari kumpulanwang tersebut, jika ada, akan dikendalikan oleh syarikat mengikut cara-cara yang difikirkan sesuai oleh pihak Syarikat berdasarkan prinsip Syariah yang akan memberi kebaikan kepada Peserta dan Kumpulanwang Takaful Keluarga Berkelompok /Dana Risiko Peserta Takaful Keluarga Berkelompok tersebut.

Sebagaimana dipersetujui dan diluluskan oleh Badan Penasihat Syariah, lebihan bersih keuntungan tersebut hanya akan diagihkan kepada Sijil yang telah matang dan Peserta tidak membuat tuntutan dan / atau menerima apa-apa pampasan dan/atau manfaat di bawah Perjanjian Tambahan takaful dalam tempoh ia berkuatkuasa yang mana ianya juga tertakluk kepada budi bicara Syarikat dan keutuhan Kumpulanwang Takaful Keluarga Berkelompok /Dana Risiko Peserta Keluarga Berkelompok berkenaan.

## **15. TEMPOH MENJELASKAN BAYARAN**

- (i) Bayaran ansuran caruman takaful secara tahunan, setengah tahunan atau suku tahunan akan diberi tempoh untuk dijelaskan selama tiga puluh (30) hari, dan tempoh untuk menjelaskan bayaran ansuran caruman takaful secara bulanan ialah lima belas (15) hari. Resit akan dikeluarkan oleh Syarikat bagi bayaran tersebut. Jika sekiranya Peserta meninggal dunia di dalam tempoh

menjelaskan bayaran tersebut, maka ansuran caruman takaful yang belum dijelaskan itu akan ditolak daripada manfaat takaful.

- (ii) Jika ansuran caruman takaful tidak dibayar dalam tempoh menjelaskan bayaran, maka mengikut Fasal 16 (i) bahawa “jumlah yang sama dari akaun berkenaan” sebagaimana ditakrifkan selepas ini akan digunakan bagi memastikan bahawa Sijil ini akan senantiasa berkuatkuasa.

## **16. PERUNTUKAN APABILA TIADA PEMBAYARAN**

### **i. Apabila Tiada Pembayaran**

Jika ansuran caruman takaful tidak dibayar dalam tempoh menjelaskan bayaran, maka Syarikat, sebagaimana dipersetujui di dalam Aqad, mempunyai hak untuk memberi pendahuluan “jumlah yang sama dari akaun berkenaan” untuk membayar Tabarru’ dan Sijil akan berterusan “berkuatkuasa di bawah Akaun Peserta/Dana Pelaburan Peserta” sehinggalah jumlah Akaun Peserta/Dana Pelaburan Peserta kurang daripada ansuran takaful yang diperlukan untuk membayar Tabarru’. Dalam tempoh ini, Sijil akan terus berkuatkuasa dan jika ansuran caruman takaful berterusan tidak dibayar selepas Akaun Peserta/Dana Pelaburan Peserta menjadi tidak mencukupi untuk dijadikan pendahuluan lagi, Sijil ini akan luput dan tiada lagi nilai seterusnya dan dianggap telah diserahkan oleh Peserta.

“Jumlah yang sama dari akaun berkenaan” adalah dirujuk kepada unsur risiko bayaran ansuran caruman takaful yang dibayar kepada Akaun Khas Peserta/Dana Risiko Peserta dan Kumpulanwang Takaful Keluarga Berkelompok/Dana Risiko Peserta Keluarga Berkelompok.

### **ii. Bayaran Sumbangan Tertunggak**

Jika bayaran ansuran caruman takaful tertunggak melebihi Tempoh Menjelaskan Bayaran dan di dalam waktu jangka “berkuatkuasa di bawah Akaun Peserta/Dana Pelaburan Peserta” jumlah dari akaun tersebut yang telah didahulukan untuk Tabarru’ ketika mana tempoh tiada pembayaran akan dikembalikan semula kepada akaun berkenaan apabila sumbangan tertunggak dijelaskan.

## **17. PENYERAHAN SIJIL**

Dalam keadaan-keadaan yang tidak dapat dielakkan, Peserta yang menyerahkan Sijil atas pilihannya sendiri, harus bersetuju untuk melepaskan semua baki wang di dalam Akaun Khas Peserta/Dana Risiko Peserta dan Kumpulanwang Takaful Keluarga Berkelompok/Dana Risiko Peserta Keluarga Berkelompoknya sebagaimana yang dinyatakan dalam Fasal 12(ii) dan 12(iii) di atas.

## **18. BAYARAN PERKHIDMATAN**

Jika sekiranya Sijil ini diendoskan atau diserahkan, Syarikat akan mengenakan bayaran BND30.00 untuk setiap Sijil. Tiada bayaran perkhidmatan dikenakan bagi Sijil Peserta yang diserahkan dalam tempoh bertenang. Syarikat berhak dengan budi bicara mutlaknya untuk menyemak bayaran perkhidmatan pada bila-bila masa dan akan melakukan usaha yang munasabah untuk memaklumkan kepada Peserta mengenai semakan tersebut.

**19. PEMBAYARAN SEMASA TEMPOH MATANG**

Apabila Sijil ini matang sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual, Peserta akan menerima semua baki daripada Akaun Peserta/Dana Pelaburan Peserta nya dan apa-apa keuntungan yang diperolehi dari pelaburan dari Akaun tersebut.

**20. UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL**

Sijil ini akan ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Negara Brunei Darussalam dan pihak-pihak bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Negara Brunei Darussalam.

**21. APABILA BERLAKU PENIPUAN**

Jika mana-mana tuntutan, dalam mana-mana keadaan, didapati palsu atau berlaku penipuan atau cara penipuan atau alatan yang digunakan oleh Peserta atau Orang Yang Dilindungi atau sesiapa juga yang melakukannya bagi pihak mereka untuk mengaut manfaat, maka perlindungan untuk Orang Yang Dilindungi akan dibatalkan serta-merta dan kesemua manfaat dan sumbangan akan dirampas.

**22. TAKAFUL SEMULA (INSURANS SEMULA)**

Syarikat boleh mengikut budi bicaranya, mendapatkan perlindungan takaful semula (insurans semula) daripada mana-mana sumber yang difikirkan sesuai bagi kepentingan Peserta.

**BAHAGIAN 3: KELAYAKAN**

Pada tarikh kuatkuasa perlindungan, Orang Yang Dilindungi hendaklah:

1. Orang Dewasa berumur Harijadi Akan Datang lapan belas (18) tahun dan ke atas dan Sijil hendaklah matang sebelum umur enam puluh lima (65) tahun;
2. Anak tanggungan berumur Harijadi Akan Datang di antara enam (6) bulan hingga dua puluh lima (25) tahun; dan
3. Warganegara Brunei atau Pemastautin di Brunei Darussalam.

## BAHAGIAN 4: PERLINDUNGAN

### 1. PERLINDUNGAN ASAS: MANFAAT KEMATIAN

- (i) Jika sekiranya Peserta meninggal dunia sebelum Tarikh Matang Sijil sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual, Syarikat akan membayar manfaat takaful kepada Wasi atau Penerima Hibah, semua baki (simpanan) Peserta yang telah meninggal dunia daripada Akaun Peserta/Dana Pelaburan Peserta nya sebelum tarikh kematiannya seperti yang dinyatakan dalam 12(i).
- (ii) Bayaran manfaat takaful daripada Akaun Khas Peserta/Dana Risiko Peserta adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-
  - (a) Bahawa keterangan dan butir-butir yang diberi dan diperakukan oleh Peserta dalam borang cadangan dan akaun adalah benar dan betul;
  - (b) Bahawa kematian Peserta bukanlah disebabkan atau akibat daripada pengecualian-pengecualian;
  - (c) bahawa Peserta tidak membuat permohonan, bertulis atau apa-apa yang lain bagi menyerahkan Sijil sebelum tarikh kematiannya;
  - (d) bahawa pada tarikh kematiannya, bayaran semua caruman takaful yang kena dibayar olehnya telah dibayar dengan sempurna.

### 2. PERLINDUNGAN ASAS: MANFAAT KEILATAN KEKAL SELURUH TUBUH BADAN

Setelah diterima dan diluluskan bukti bahawa Peserta di bawah Sijil Asas, mengalami Keilatan Kekal Seluruh Badan, Syarikat akan membayar kepada Peserta bayaran pendahuluan seperti berikut:

- Bayaran pendahuluan satu per sepuluh (1/10) daripada manfaat takaful untuk kematian yang kena dibayar setiap tahun pada setiap ulangtahun Sijil selepas tarikh bermulanya keilatan sebagaimana yang ditakrifkan.
- Pembayaran wang pendahuluan tersebut hanya akan dilakukan ke atas pengeluaran Sijil dan manfaat takaful untuk kematian akan dikurangkan dengan jumlah wang pendahuluan yang dibuat berkaitan dengan Sijil Asas tersebut.
- Meskipun bertentangan dengan perjanjian yang sudah ada sebelumnya, semua pembayaran pendahuluan tersebut akan dikenakan potongan jumlah yang belum dilunaskan mengikut Sijil Asas.
- Pembayaran pendahuluan hanya akan dibayar selama Keilatan berlanjutan sebagaimana ditakrifkan, dan bilangan pembayaran pendahuluan itu tidak harus melebihi sepuluh (10) kali.
- Jika selama Kekeilatan sedang berlanjutan dan sebelum sepuluh (10) kali pembayaran pendahuluan, Peserta meninggal dunia, Syarikat tertakluk kepada bukti akan membayar baki manfaat takaful untuk kematian di bawah Sijil Asas. Syarikat berhak untuk menukar manfaat tahunan dan membayar secara sekaligus.

- Manfaat Keilatan akan tamat jika Orang Yang Dilindungi mencapai umur enam puluh (60) tahun.
- Jika berlaku Kematian dan Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan, tanggungan Syarikat adalah terhad kepada satu kejadian sahaja yang mana terdahulu.

### **3. PERJANJIAN-PERJANJIAN TAMBAHAN**

Endosmen-endosmen berikut hanya sah bagi Sijil ini sekiranya ia dinyatakan secara khusus dalam Jadual dan adalah tertakluk kepada terma-terma Sijil ini (selepas ini di sebut "Sijil Asas").

Fasal-fasal berikut adalah tambahan kepada Sijil dalam pertimbangan kepada permohonan dan pembayaran sumbangan tambahan pada tarikh kena bayar seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

#### **NSAD11: FASAL KEMATIAN DISEBABKAN KEMALANGAN DAN KEILATAN KEKAL**

Syarikat akan membayar kepada Peserta atau warisnya sebagai Penerima Manfaat bagi Orang Yang Dilindungi, sejumlah wang seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat jika sekiranya mana-mana Orang Yang Dilindungi mendapat Kecederaan Tubuh Badan yang disebabkan oleh kemalangan luaran yang hebat dan tidak sengaja dan dengan cara yang boleh dilihat yang bebas daripada sebab-sebab lain yang mengakibatkan:

- A. KEMATIAN** yang berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada kecederaan tubuh badan seperti yang tersebut di atas.
- B. KEILATAN KEKAL** seperti yang disenaraikan dalam Jadual Manfaat yang berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada kecederaan tubuh badan seperti yang tersebut di atas.

Jika semasa Keilatan, berlaku kematian Orang Yang Dilindungi, Syarikat tertakluk kepada bukti, membayar baki manfaat Kematian Kemalangan yang kena dibayar di bawah Sijil Asas.

Manfaat Keilatan tamat jika Orang Yang Dilindungi mencapai umur enam puluh (60) tahun.

Jika berlaku Kematian Kemalangan dan Keilatan Kekal disebabkan kemalangan, tanggungan Syarikat adalah terhad kepada satu kejadian sahaja yang mana terdahulu.

#### **NSCI11: PERLINDUNGAN PENYAKIT KRITIKAL**

##### **1. PERLINDUNGAN**

Syarikat akan membayar kepada Peserta sejumlah wang seperti yang dinyatakan di dalam Jadual jika sekiranya Peserta dikenalpasti mengalami salah satu penyakit kritikal seperti senarai di bawah sebagaimana yang ditakrifkan selepas ini dengan syarat bahawa penyakit tersebut telah dikenalpasti oleh Doktor.

## 2. TAKRIF BAGI PENYAKIT KRITIKAL

### 1. Penyakit Alzheimer [sebelum umur enam puluh (65)] - Menyebabkan gejala berkekalan.

Dikenal pasti secara muktamad mengidap penyakit Alzheimer [Sebelum umur 65 tahun] oleh seorang ahli Perunding Saraf, Psikiatri Geriatrik. Harus ada kehilangan kekal secara klinikal kemampuan untuk melakukan semua perkara berikut:

- Mengingat;
- Memberi sebab; dan
- Mengamat, Mengerti, Mengungkap dan memberikan kesan pada idea-idea.

Untuk takrif di atas, berikut ini adalah tidak dilindungi:

- Lain-lain jenis demensia.

### 2. Pembedahan Penukaran Aorta - Untuk penyakit

Menjalani pembedahan untuk penyakit aorta dengan pemotongan dan bedah penggantian sebahagian daripada aorta yang sakit dengan cantuman kulit yang lain.

Istilah aorta termasuk aorta dada dan perut, tetapi tidak cabang-cabangnya. Untuk takrif di atas, berikut ini adalah tidak dilindungi:

- Mana-mana prosedur bedah yang lain, misalnya pemasangan stent atau pembaikan endovascular;
- Pembedahan berikutan kecederaan trauma kepada aorta.

### 3. Kanser Benigna Otak - Menyebabkan gejala berkekalan

Ketumbuhan yang tidak menjalar pada otak, saraf kranial atau meninges dalam tengkorak, menyebabkan kemerosotan neurologi yang kekal dengan gejala klinikal yang berterusan.

Untuk takrif di atas, berikut ini adalah tidak dilindungi:

- Ketumbuhan kelenjar pituitary;
- Angioma.

### 4. Buta – Kekal dan Tidak dapat dipulihkan

Kekal dan hilang penglihatan yang tidak dapat dipulihkan sehingga apabila diuji dengan menggunakan alat bantu penglihatan, penglihatan diukur pada 3 / 60 atau lebih buruk pada mata yang lebih baik menggunakan carta mata Snellen.

### 5. Kanser

Mana-mana ketumbuhan yang dikenal pasti positif dengan pengesahan ahli histologi dan dicirikan oleh pertumbuhan yang tidak terkawal daripada sel-sel merbahaya dan pencerobohan ke atas tisu.

Istilah ketumbuhan merbahaya merangkumi leukemia, limfoma, dan sarkoma. Untuk takrif di atas, berikut ini adalah tidak dilindungi:



- (a) Semua jenis kanser yang mana secara histologi dikenalpasti sebagai salah satu daripada yang berikut:
- Pra-malignan;
  - Tidak merebak;
  - Kanser setempat;
  - Mempunyai paras merbahaya pada tahap sempadan; atau
  - Mempunyai potensi merbahaya yang rendah.
- (b) Semua kanser pundi kencing kecuali secara histologi dikenalpasti sebagai mempunyai bacaan Gleason lebih besar daripada enam (6) atau telah berkembang sekurang-kurangnya kepada bacaan klinikal TNM klasifikasi T2N0M0.
- (c) Limfositik Leukemia yang teruk kecuali secara histologi dikelaskan sebagai telah berkembang sekurang-kurangnya kepada Tahap A Binet.
- (d) Mana-mana jenis barah kulit selain daripada melanoma merbahaya yang telah diklasifikasikan secara histologi sebagai menyebabkan merebak ke luar epidermis (lapisan luar kulit).

#### **6. Tidak Sedarkan Diri - Menyebabkan gejala kekal**

Dalam keadaan tidak sedarkan diri tanpa reaksi terhadap rangsangan luaran atau keperluan dalaman yang:

- Memerlukan penggunaan system sokongan hidup secara berterusan sekurang-kurangnya sembilan puluh enam (96) jam; dan
- Menyebabkan kemerosotan saraf secara kekal dengan gejala klinikal berterusan.

Untuk takrif di atas, berikut ini adalah tidak dilindungi:

- Tidak Sedarkan Diri disebabkan oleh penyalahgunaan alkohol atau dadah.

#### **7. Pembedahan Pintas Arteri Koronari - Dengan pembedahan membelah tulang dada.**

Menjalani pembedahan yang memerlukan sternotomi median (pembedahan untuk membelah tulang dada) atas nasihat daripada Perunding Pakar Jantung untuk membetulkan satu atau lebih arteri koronari yang semakin sempit atau tersumbat secara pintasan.

#### **8. Hilang Pendengaran-Kekal dan tidak dapat dipulihkan.**

Kekal dan kehilangan pendengaran yang tidak dapat dipulihkan sehingga kehilangan melebihi Sembilan puluh lima (95) desibel di semua gelombang di telinga yang baik menggunakan audiogram nada murni.

#### **9. Serangan Jantung – dengan kadar tertentu**

Kematian otot jantung, kerana bekalan darah yang tidak mencukupi, yang mengakibatkan semua tanda acute myocardial infarction berikut:

- Gejala klinikal biasa (contohnya, sakit dada dengan ciri tertentu).

- Perubahan ciri-ciri elektrokardiografi yang baru.
- Kenaikan ciri-ciri enzim jantung atau Troponins yang dicatatkan di tahap berikut atau lebih tinggi:
  - Troponin T > 1.0 ng / ml
  - AccuTnI > 0.5 ng / ml atau setara dengan kaedah I Troponin yang lain.

Tanda tersebut mestilah menunjukkan acute myocardial infarction yang pasti.

Untuk takrif di atas, berikut ini adalah tidak dilindungi:

- Lain-lain sindrom koronari akut termasuk tetapi tidak terhad kepada angina.

#### **10. Penggantian Atau Perbaikan Injap Jantung - Dengan pembedahan membelah tulang dada.**

Menjalani pembedahan yang memerlukan sternotomy median (pembedahan untuk membelah tulang dada) atas nasihat daripada Perunding Pakar Jantung untuk menggantikan atau membaiki satu atau lebih injap jantung.

#### **11. Jangkitan HIV - Dijangkiti dari pemindahan darah, serangan fizikal atau di tempat kerja dalam pekerjaan yang layak**

Jangkitan Virus Kurang Tahan Daya Penyakit Manusia akibat dari:

- yang terjadi ketika menjalankan tugas biasa pekerjaan. Pemindahan darah yang diberikan sebagai sebahagian daripada rawatan perubatan;
- Serangan fizikal, atau
- Sebuah kejadian.

Setelah Sijil bermula dan memuaskan semua perkara berikut:

- Kejadian ini mesti telah dilaporkan kepada pihak berkuasa dan telah disiasat sesuai dengan prosedur yang ditetapkan;
- Di mana jangkitan HIV dijangkiti melalui serangan fizikal atau sebagai akibat dari satu kejadian yang berlaku ketika menjalankan tugas pekerjaan biasa, tugas tersebut haruslah disokong oleh ujian antibodi HIV negative diambil dalam tempoh lima (5) hari ketika kejadian;
- Ujian HIV lanjutan mesti dilakukan dalam tempoh dua belas (12) bulan yang mengesahkan wujudnya HIV atau antibodi terhadap virus;
- Kejadian yang menyebabkan jangkitan mesti terjadi di Brunei Darussalam.

Untuk takrif di atas, berikut ini adalah tidak dilindungi:

- Jangkitan HIV yang didapati daripada cara lain, termasuk aktiviti seksual atau penyalahgunaan dadah.

#### **12. Kegagalan Buah Pinggang - Memerlukan dialisis**

Kegagalan fungsi kedua-dua buah pinggang yang teruk dan berada pada tahap akhir, yang menyebabkan dialisis teratur perlu dilakukan.

**13. Hilang Upaya Bercakap - Kekal dan tidak dapat dipulihkan**

Kehilangan kebolehan bercakap yang kekal dan tidak dapat dipulihkan akibat daripada kecederaan fizikal atau penyakit.

**14. Kehilangan Tangan Atau Kaki – Kehilangan fizikal kekal.**

Kehilangan fizikal kekal mana-mana gabungan dua (2) atau lebih tangan atau kaki pada atau di atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki.

**15. Pemindahan Organ Utama**

Sebagai penerima pemindahan sumsum tulang atau jantung lengkap, buah pinggang, hati, paru-paru, atau pankreas, atau dimasukkan dalam senarai menunggu rasmi Brunei Darussalam untuk prosedur tersebut.

Untuk takrif di atas, berikut ini adalah tidak dilindungi:

- Pemindahan mana-mana organ lain, sebahagian organ, tisu atau sel.

**16. Penyakit Motor Neuron [Sebelum usia enam puluh lima (65) tahun] - Mengakibatkan gejala kekal**

Diagnosis muktamad penyakit motor neuron [Sebelum umur enam puluh lima (65) tahun] oleh ahli Perunding Pakar Saraf. Kemerosotan klinikal kekal fungsi motor mesti berlaku.

**17. Sklerosis Berganda - Dengan gejala berterusan.**

Diagnosis muktamad Sklerosis Berganda oleh ahli Perunding Pakar Saraf. Kemerosotan klinikal kekal fungsi motor atau fungsi deria mesti berlaku, yang mana ianya mesti berlanjutan terus menerus untuk jangka waktu minima enam (6) bulan.

**18. Kelumpuhan Anggota Badan - Keseluruhan dan tidak dapat dipulihkan**

Kehilangan keseluruhan dan tidak dapat dipulihkan fungsi otot untuk mana-mana dua anggota tubuh.

**19. Penyakit Parkinson [Sebelum usia enam puluh lima (65) tahun] - Mengakibatkan gejala kekal**

Diagnosis muktamad Penyakit Parkinson [Sebelum umur enam puluh lima (65) tahun] oleh ahli Perunding Pakar Saraf. Kemerosotan klinikal kekal fungsi pergerakan dengan gementar, pergerakan terhad dan postur tidak stabil.

Untuk takrif di atas, berikut ini adalah tidak dilindungi:

- Penyakit Parkinson disebabkan oleh penyalahgunaan dadah.

## 20. Angin Ahmar - Mengakibatkan gejala kekal

Kematian tisu otak kerana bekalan darah yang tidak mencukupi atau pendarahan di dalam tengkorak mengakibatkan kemerosotan neurologi kekal dengan gejala klinikal berterusan.

Untuk takrif di atas, berikut ini adalah tidak dilindungi:

- Serangan Iskema Sementara;
- Kecederaan Trauma kepada tisu otak atau pembuluh darah.

## 21. Penyakit Membawa Maut

Terkehadapan atau penyakit yang tidak boleh sembuh merebak dengan cepat, yang mana pada pendapat Perunding yang merawat dan Ketua Pegawai Perubatan kami, harapan untuk hidup tidak melebihi dua belas (12) bulan.

## 22. Lecur Tahap Tiga - Merangkumi 20% dari permukaan badan.

Melecur yang melibatkan kerosakan atau pelupusan kulit hingga kedalaman penuh tisu dalaman dan merangkumi sekurang-kurangnya 20% dari permukaan badan.

## 23. Kecederaan Trauma di Kepala - Mengakibatkan gejala kekal

Kematian tisu otak akibat dari kecederaan trauma dan mengakibatkan kemerosotan neurologi kekal dengan gejala klinikal berterusan.

### HOB9304: FASAL MANFAAT TUNAI HOSPITAL

Syarikat hendaklah, setelah menerima dan meluluskan bukti sewajarnya mengenai pembayaran Manfaat di bawah Kontrak Tambahan ini jika sekiranya berlaku perkara berikut:

- (i) Peserta dan/atau Orang Yang Dilindungi didiagnosis dengan COVID-19 dan dimasukkan ke Hospital / NIC dalam Tempoh Takaful; atau
- (ii) Peserta dan/atau Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke Hospital atas saranan Pakar Perubatan.

Syarikat hendaklah membuat pembayaran yang dinyatakan di atas dengan syarat:

- (i) Penyakit berlaku lebih daripada tiga puluh (30) hari selepas tarikh penerimaan klausa ini, atau tarikh pengembalian semula klausa ini, mengikut mana yang terkini, melainkan Peserta dan/atau Orang Yang Dilindungi yang terjejas oleh Penyakit telah dilindungi secara berterusan di bawah Sijil selama dua belas (12) bulan tanpa jurang dalam perlindungan, untuk tempoh di mana Peserta dan/atau Orang Yang Dilindungi hendaklah menjadi pesakit dalam Hospital / NIC tertakluk kepada sekurang-kurangnya tiga (3) hari dalam pengasingan berturut-turut tetapi tidak melebihi lima puluh dua (52) minggu; atau
- (ii) Kecederaan berlaku selepas tarikh penerimaan klausa ini, atau tarikh pengembalian semula klausa ini, mengikut mana yang terkini, untuk tempoh di mana Peserta dan/atau Orang Yang Dilindungi

hendaklah menjadi pesakit dalam Hospital / NIC tertakluk kepada sekurang-kurangnya tiga (3) hari dalam pengasingan berturut-turut tetapi tidak melebihi lima puluh dua (52) minggu.

Dalam apa-apa jua keadaan sekalipun, Syarikat tidak akan membayar lebih daripada satu Manfaat Tunai Hospital bagi setiap hari kemasukan ke wad hospital.

Manfaat Tunai Hospital tamat jika Orang Yang Dilindungi mencapai umur enam puluh lima (65) tahun.

#### **4. PERTUKARAN PEKERJAAN**

Tanpa mengabaikan perkara yang bertentangan di dalam dokumen ini, maka dengan ini bersetuju bahawa Syarikat mempunyai hak untuk menolak apa-apa tuntutan berikutan kehilangan atau keilangan yang secara langsung, seluruh atau sebahagiannya, disebabkan pertukaran pekerjaan dari pekerjaan yang tidak merbahaya kepada pekerjaan yang lebih merbahaya yang mana Syarikat tidak diberitahu. Adalah menjadi kewajipan Peserta untuk memberitahu Syarikat setiap pertukaran pekerjaan selepas pengeluaran Perjanjian Tambahan.

Perjanjian Tambahan ini hanya berkuatkuasa dari tarikh endosmen ke atas Sijil Asas kecuali ianya dikeluarkan pada waktu Pengeluaran Sijil Asas dan dirujuk kepadanya di dalam Jadual.

#### **5. PEMBAHARUAN**

Perjanjian Tambahan ini boleh diperbaharui dengan membayar sumbangan takaful secara pendahuluan berdasarkan kadar yang dikirakan semasa pembaharuan Perjanjian Tambahan.

Syarikat mempunyai hak untuk meningkatkan Sumbangan takaful berdasarkan Perjanjian Tambahan pada bila-bila masa dengan memberikan tiga puluh (30) hari notis secara bertulis kepada Peserta.

Syarikat mempunyai hak untuk membatalkan Perjanjian Tambahan ini pada bila-bila masa dengan memberikan tujuh (7) hari notis bertulis kepada Peserta. Apabila Perjanjian Tambahan ini dibatalkan, Syarikat akan mengembalikan sebahagian daripada sumbangan takaful yang telah dibayar tetapi belum digunakan. Pembatalan akan dilakukan tanpa wasangka kepada setiap tuntutan yang timbul sebelum dari tarikh pembatalan.

#### **6. PENAMATAN PERLINDUNGAN**

Perjanjian Tambahan ini dengan sendirinya akan tamat:-

- (a) Jika ada sumbangan takaful untuk Perjanjian Tambahan ini dan pada Sijil Asas yang belum dibayar pada akhir Tempoh Menjelaskan Bayaran;
- (b) Jika Sijil Asas matang atau diserahkan;
- (c) Apabila jumlah keseluruhan 100% manfaat telah dibayar, yang mana terdahulu.

Penamatan Perjanjian Tambahan ini harus berlaku tanpa wasangka terhadap setiap tuntutan yang timbul sebelum penamatan tersebut. Pembayaran atau penerimaan apa-apa sumbangan takaful setelah pemberhentian Perjanjian Tambahan ini tidak akan membuatkan Syarikat menanggung apa-apa liabiliti bahkan Syarikat mesti mengembalikan kesemua sumbangan takaful tersebut.

## **7. PENGUATKUASAAN SEMULA**

Jika Perjanjian Tambahan ini tamat berikutan bayaran sumbangan takaful yang tertunggak. Ia mungkin dikuatkuasakan semula dengan kelulusan daripada Syarikat. Penguatkuasaan semula tersebut akan melindungi kehilangan disebabkan oleh Kecederaan kemalangan yang berlaku selepas itu.

Perjanjian Tambahan ini hanya berkuatkuasa dari tarikh endosmen ke atas Sijil Asas kecuali ianya dikeluarkan pada waktu Pengeluaran Sijil Asas dan dirujuk kepadanya di dalam Jadual.

**JADUAL MANFAAT-MANFAAT  
KEMATIAN DISEBABKAN KEMALANGAN / KEILATAN KEKAL**

Keterangan Kecederaan	Peratusan Perlindungan
1. Hilang Nyawa	100%
2. Hilang Penglihatan	
(a) Kedua-dua mata	100%
(b) Sebelah mata	50%
3. Hilang Pendengaran	
(a) Kedua-dua telinga	100%
(b) Sebelah telinga	50%
4. Hilang Upaya Bercakap	50%
5. Hilang Tangan	
(a) Pada bahu	50%
(b) Bawah pergelangan tangan	50%
6. Hilang kaki	
(a) Pada pengkal paha	50%
(b) Di bawah paras lutut	50%
7. Hilang	
(a) Empat batang jari dan ibu jari sebelah tangan	50%
(b) Empat batang jari sebelah tangan	40%
(c) Ibu jari	
- Kedua-dua ruas	25%
- Satu ruas	10%
(d) Jari Telunjuk	
- Ketiga-tiga ruas	10%
- Kedua-dua ruas	8%
- Satu ruas	4%
(e) Jari Hantu	
- Ketiga-tiga ruas	6%
- Kedua-dua ruas	4%
- Satu ruas	2%
(f) Jari Manis	
- Ketiga-tiga ruas	5%
- Kedua-dua ruas	4%
- Satu ruas	2%
(g) Jari Kelingking	
- Ketiga-tiga ruas	4%
- Kedua-dua ruas	3%
- Satu ruas	2%
(h) Tulang Tapak Tangan	
- Pertama atau kedua (tambahan)	3%

- Ketiga, Keempat atau kelima (tambahan)	2%
(i) Jari Kaki	
- Kesemua	15%
- Ibu Jari, Kedua-dua ruas	5%
- Ibu Jari, satu ruas	2%
- Lain-lain jari, sekiranya lebih dari sebatang, tiap-tiap satu	1%

Hilang upaya kekal mana-mana anggota akan dikira sebagai hilang anggota tersebut.

Sekiranya keilangan tidak tercatat di atas selain daripada hilang deria rasa atau bau, Syarikat akan mengambil peratusan keilangan yang mana menurut pendapat Syarikat selari dengan peruntukan di atas dan tanpa mengambil kira pekerjaan Orang Yang Dilindungi.

Jumlah keseluruhan peratusan layak dibayar berkaitan dengan satu-satu kemalangan dan dalam setiap tempoh Takaful tidak boleh melebihi 100% daripada jumlah perlindungan.

Jika sekiranya Peserta itu layak di bawah Fasal Keilangan Kekal Seluruh Tubuh Badan dan Keilangan Kekal akibat kemalangan, maka jumlah manfaat hanya akan dibayar di bawah satu Fasal sahaja iaitu mengikut mana yang lebih besar jumlahnya.



## BAHAGIAN 5: PENGECUALIAN-PENGECUALIAN

### 1. MANFAAT KEMATIAN

Syarikat tidak akan membayar manfaat takaful jika kematian Peserta disebabkan sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada:

- a) Keadaan-keadaan sedia ada sebagaimana ditakrifkan dan/atau sebagaimana dipersetujui oleh pihak Syarikat secara bertulis sebelum Tarikh Kuatkuasa Sijil;
- b) Peperangan, pelanggaran, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi-operasi berupa peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan tentera, kegemparan awam yang menyumbangkan kepada rusuhan tentera, kebangkitan, pemberontakan, rampasan kuasa atau apa sahaja tindakan atau orang yang bertindak bagi pihak atau yang berkaitan dengan mana-mana pertubuhan yang bergiat ke arah penggulingan secara kekerasan mana-mana kerajaan atau mempengaruhinya dengan menggunakan keganasan atau kekerasan;
- c) Mana-mana tindakan yang menyalahi undang-undang atau tindakan tersebut dilarang oleh undang-undang dan/atau Prinsip Syariah;
- d) Bunuh diri;
- e) Berada di bawah pengaruh arak, penyalahgunaan dadah, bahan-bahan yang mengkhayalkan; sama ada ianya ada atau tidak di dalam had yang ditetapkan di dalam undang-undang;
- f) Secara langsung atau tidak langsung dijangkiti penyakit Sindrom Kurang Daya Tahan (AIDS) atau yang berkaitan dengannya.

### 2. KEILATAN KEKAL SELURUH TUBUH BADAN DAN KEMATIAN KEMALANGAN

Syarikat tidak akan membayar manfaat takaful jika Keilatan Kekal Seluruh Badan atau Kematian kemalangan Peserta disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada:

- a) Keadaan-keadaan sedia ada sebagaimana ditakrifkan dan/atau sebagaimana dipersetujui oleh pihak Syarikat secara bertulis sebelum Tarikh Kuatkuasa Sijil;
- b) Peperangan, pelanggaran, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi-operasi berupa peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan tentera, kegemparan awam yang menyumbangkan kepada rusuhan tentera, kebangkitan, pemberontakan, rampasan kuasa atau apa sahaja tindakan atau orang yang bertindak bagi pihak atau yang berkaitan dengan mana-mana pertubuhan yang bergiat ke arah penggulingan secara kekerasan mana-mana kerajaan atau mempengaruhinya dengan menggunakan keganasan atau kekerasan;
- c) Mana-mana tindakan yang menyalahi undang-undang atau tindakan tersebut dilarang oleh undang-undang dan/atau Prinsip Syariah;

- d) Cubaan membunuh diri atau kecederaan dilakukan diri sendiri sama ada dalam keadaan waras atau gila;
- e) Mana-mana pelanggaran undang-undang oleh Peserta termasuk yang mengakibatkan hukuman penjara atau pencerobohan berpunca daripadanya;
- f) Berada di bawah pengaruh arak, penyalahgunaan dadah, bahan-bahan yang mengkhayalkan; sama ada ianya ada atau tidak di dalam had yang ditetapkan di dalam undang-undang;
- g) Kecederaan yang disebabkan oleh letusan nuklear, gabungan nuklear, bahan senjata nuklear atau pencemaran radioaktif;
- h) Secara langsung atau tidak langsung dijangkiti penyakit Sindrom Kurang Daya Tahan (AIDS) atau yang berkaitan dengannya;
- i) Mana-mana keilangan kekal Orang Yang Dilindungi selepas berumur enam puluh (60) tahun.

### 3. PENYAKIT KRITIKAL

Syarikat tidak akan membayar manfaat takaful jika penyakit kritikal Peserta disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada:

- a) Keadaan-keadaan sedia ada sebagaimana ditakrifkan dan/atau sebagaimana dipersetujui oleh pihak Syarikat secara bertulis sebelum Tarikh Kuatkuasa Sijil;
- b) Mecederakan diri sendiri dengan sengaja, bunuh diri, cubaan membunuh diri (sama ada jenayah atau tidak), pencerobohan, mabuk, dadah, kehilangan penguasaan diri atau gila, penyakit kelamin, atau kecacatan fizikal atau kelemahan, melahirkan atau keguguran, kehamilan;
- c) Peserta yang terlibat dalam atau mengambil bahagian dalam sukan musim sejuk, bola sepak profesional, polo, memburu di kawasan curam, mendaki gunung, atau mana-mana jenis perlumbaan selain menggunakan kaki, menggunakan mesin kayu atau gergaji bundar, menyelam menggunakan alat untuk menyelam, menyelam, tinju, hoki ais, pertandingan bermotor, payung terjun, pot-holing, bot berkuasa tinggi, sukan lompat kuda, ski air dan persembahan, gusti termasuk judo, karate dan tempur tanpa senjata dan kapal layar di luar perairan wilayah (hanya untuk pekerja profesional);
- d) Peserta berada di dalam atau akan atau masuk ke dalam atau turun dari atau turun atau jatuh dari apa-apa jenis kapal terbang selain dari jenis organisasi pengangkutan biasa berlesen penuh yang memberikan perkhidmatan penerbangan biasa antara lapangan terbang yang telah ditubuhkan di mana dia bermusafir sebagai seorang penumpang yang membayar tambang biasa;
- e) Keracunan darah Anthrax, erisipelas, keracunan ptomaine, pyaemia, septikemia dan / atau tetanus;
- f) Peperangan, pelanggaran, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi-operasi berupa peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara,

pemberontakan tentera, kegemparan awam yang menyumbang kepada rusuhan tentera, kebangkitan, pemberontakan, rampasan kuasa atau apa sahaja tindakan atau orang yang bertindak bagi pihak atau yang berkaitan dengan mana-mana pertubuhan yang bergiat kearah penggulingan secara kekerasan mana-mana kerajaan atau mempengaruhinya dengan menggunakan keganasan atau kekerasan;

- g) Perkhidmatan dalam apa-apa jenis kedudukan dalam mana-mana perkhidmatan tentera laut, tentera darat, tentera udara, polis atau anggota keselamatan;
- h) Mana-mana tindakan yang menyalahi undang-undang atau tindakan tersebut dilarang oleh undang-undang dan/atau Prinsip Syariah;
- i) Penyakit yang dihidapi semasa tempoh menunggu tiga puluh (30) hari dari tarikh kuatkuasa Sijil;
- j) Pengionan, pencemaran radiasi oleh radioaktif dari apa-apa bahan bakar nuklear atau dari pembakaran bahan bakar nuklear. Untuk tujuan pengecualian ini, pembakaran akan merangkumi proses mandiri letusan nuklear berangkai;
- k) Bahan senjata nuclear.

#### **4. MANFAAT TUNAI HOSPITAL**

Sebagai tambahan kepada Pengecualian Am di bawah Sijil Asas, Pihak Syarikat tidak melindungi manfaat tunai hospital berkaitan dengan:-

- a) Penyakit yang dihidapi semasa tempoh menunggu tiga puluh (30) hari dari tarikh kuatkuasa Sijil atau Endosmen;
- b) Keadaan-keadaan sedia ada sebagaimana ditakrifkan dan/atau sebagaimana dipersetujui oleh pihak Syarikat secara bertulis sebelum Tarikh Kuatkuasa Sijil;
- c) Hamil, keguguran atau melahirkan;
- d) Gangguan mental atau saraf, arak, penyalahgunaan dadah;
- e) Pembedahan kosmetik atau plastik atau sebarang pembedahan elektif atau keganjilan konjanital;
- f) Pemeriksaan atau pembedahan gigi kecuali yang diperlukan akibat kecederaan bersabit daripada kemalangan;
- g) Pemeriksaan kesihatan biasa, pemulihan, atau penjagaan rehat;
- h) Mana-mana wad hospital Orang Yang Dilindungi selepas berumur enam puluh lima (65) tahun.

## **BAHAGIAN 6: TUNTUTAN**

### **1. NOTIS TUNTUTAN**

Notis secara bertulis mengenai kejadian yang menjadi asas kepada tuntutan di bawah Sijil ini mesti dikemukakan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kejadian berkenaan.

Dengan syarat bahawa Peserta telah mengalami Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan, di atas bukti kukuh dan nyata hendaklah diserahkan kepada Syarikat selepas enam (6) bulan dan dalam tempoh sembilan (9) bulan daripada tarikh berlakunya Keilatan tersebut. Walau bagaimanapun kegagalan untuk mengemukakan notis dalam tempoh yang dinyatakan tidak akan membatalkan tuntutan jika dapat dibuktikan adalah tidak munasabah bagi Peserta mengemukakan notis dalam tempoh tersebut dan notis tersebut telah dikemukakan dalam tempoh yang berpatutan.

### **2. PEMERIKSAAN**

Syarikat mempunyai hak dan kesempatan melalui wakil perubatannya untuk memeriksa Orang Yang Dilindungi bila dan seberapa kerap yang ia dapati munasabah semasa atau dalam tempoh proses tuntutan dibuat di bawah Sijil ini, dan bagi kes kematian, untuk menyiasat punca kematian tersebut.

### **3. BUKTI TUNTUTAN**

Semua dokumen, maklumat, dan bukti yang diperlukan oleh Syarikat hendaklah dibuat atas perbelanjaan orang yang membuat tuntutan dan dalam bentuk dan sifat yang ditentukan oleh Syarikat.

Walaupun bukti keilatan mungkin telah diterima baik oleh Syarikat, Syarikat berhak untuk menuntut, daripada Peserta bukti mengenai kelangsungan Keilatan tersebut, bila-bila masa dan sekerap mana ianya dirasakan perlu, jika Peserta gagal untuk mengemukakan bukti tersebut, atau jika Peserta berhenti daripada menderita keilatan tersebut, Syarikat berhak untuk menghentikan bayaran manfaat tahunan selanjutnya.

### **4. PEMBAYARAN TUNTUTAN**

Apa-apa pembayaran di bawah Sijil ini akan dibayar kepada Peserta atau Wasi atau Penerima Hibah atau Penerima Manfaat dan orang yang menuntut harus bertanggungjawab bagi apa-apa duti harta pusaka yang mungkin dikenakan ke atasnya. Apa-apa resit atau pelepasan yang diberikan oleh orang yang menuntut kepada Syarikat bagi mana-mana manfaat di bawah Sijil ini akan dianggap sebagai muktamad dan pelepasan sepenuhnya semua tanggungan Syarikat.

### **5. PENIPUAN TUNTUTAN**

Jika tuntutan dalam hal apapun adalah penipuan atau jika ada pengisytiharan palsu dibuat atau digunakan untuk menyokongnya, atau jika apa-apa cara penipuan atau helah digunakan oleh Peserta atau siapa-siapa sahaja yang bertindak bagi pihaknya untuk mendapatkan apa-apa manfaat di bawah Sijil ini, atau jika tuntutan disebabkan oleh tindakan sengaja atau dengan sepakatan Peserta, semua manfaat di bawah ini Sijil akan terbatal. Jika ada bayaran yang telah dibuat oleh Syarikat, maka Syarikat mempunyai hak untuk mendapat semula bayaran tersebut serta mengambil tindakan undang-undang terhadap Peserta.

**6. TINDAKAN UNDANG-UNDANG**

Tiada tindakan undang-undang atau yang sebanding boleh diambil untuk mendapatkan bayaran tuntutan sebelum tamatnya tempoh satu (1) tahun atau setelah luput dua (2) tahun daripada tarikh bermulanya kejadian.

**BUTIRAN PERHUBUNGAN TUNTUTAN**

Sila hubungi:

Takaful Brunei Keluarga Sdn Bhd  
Bahagian Tuntutan & Retakaful  
Unit 1, Level 1  
Dar Takaful IBB Utama  
Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan, BS8711  
Negara Brunei Darussalam.

No. Telefon: +673 2231 100

**Naskhah Bahasa Inggeris adalah Sijil yang sah dan akan dirujuk sekiranya timbul apa-apa pertikaian daripada Sijil ini.**